



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

PELANCARAN BAZAR RAMADAN RAHMAH DAN INISIATIF *MYSAVEFOOD* TAHUN 2024 PERINGKAT NEGERI SARAWAK

KUCHING, 22 MAC 2024 – Yang Berhormat Senator Puan Hajah Fuziah Binti Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah mengadakan sesi *walkabout* di Bazar Ramadan Metrocity Matang, Kuching sekaligus melancarkan Bazar Ramadan RAHMAH (BRR) Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2024.

Program BRR merupakan salah satu inisiatif Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di bawah Program Payung RAHMAH MADANI untuk menggalakkan para peniaga BRR menawarkan Menu RAHMAH sebagai usaha untuk mengurangkan beban kos sara hidup sepanjang bulan Ramadan ini. Konsep pelaksanaan BRR juga adalah untuk menggalakkan peniaga menyediakan makanan berteraskan format penyediaan Menu RAHMAH sebagai pilihan menu tambahan pada harga RM5 dan ke bawah.

Dengan semangat manfaat RAHMAH yang seharusnya dinikmati oleh semua masyarakat, maka kesan pelaksanaan BRR ini seharusnya juga mendatangkan kebaikan yang merentasi agama dan kepelbagaian bangsa. **"RAHMAH ITU BERKAT"**. Ini bermakna juadah Menu RAHMAH bukan sahaja untuk mereka yang berpuasa. Menu pilihan yang pelbagai dan harga murah akan menarik lebih ramai pengunjung daripada pelbagai kaum dan agama.

BRR ini turut mengambil langkah proaktif dalam menggalakkan perniagaan yang berkonsepkan digital khususnya dalam sektor peruncitan melalui Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (*Retail Digitalisation Initiative - ReDI*). Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan pendedahan kepada peniaga dan pengguna menggunakan kemudahah *ewallet* dalam mengurusniaga.

Bersempena bulan Ramadan juga, KPDN telah melaksanakan OPS PANTAU bermula 12 Mac 2024. OPS PANTAU 2024 telah dilaksanakan secara seragam dan berfokus di seluruh negara dengan lokasi tumpuan seperti Bazar Ramadan, Bazar Aidilfitri, pasar awam, pasar basah, pasar raya besar, pasar raya kedai runcit dan aktiviti penjualan secara dalam talian.

Sehingga kini, Penguatkuasa KPDN Sarawak telah menjalankan pemeriksaan ke atas 1,239 premis sejak 12 Mac 2024 sehingga 21 Mac 2024 di bawah OPS PANTAU 2024. Sebanyak 1 aduan telah diterima oleh KPDN Sarawak berkaitan isu harga di Bazar Ramadan dan tiada tindakan kes dihasilkan sepanjang OPS PANTAU 2024 dilaksanakan.

Turut berlangsung Majlis Pelancaran *MySaveFood* Peringkat Negeri Sarawak yang disempurnakan oleh YB Timbalan Menteri di lokasi Bazar Ramadan RAHMAH ini. Projek Malaysia Save Food Ramadan 2024 atau juga dikenali sebagai *MySaveFood* adalah untuk membudayakan satu sistem pengurusan lebihan makanan yang efektif di bazar Ramadan yang mudah direplikasi dalam usaha mengurangkan pembaziran makanan sepanjang bulan yang mulia ini. Inisiatif ini turut menyumbang kepada Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) iaitu mengurangkan separuh daripada jumlah pembaziran makanan menjelang 2030 dan mewujudkan *Zero Hunger*.

Program ini merupakan kerjasama strategik KPDN bersama Pertubuhan Pemuda GEMA dan Gerakan Pengguna Siswa (GPS) yang melibatkan seramai 50 orang sukarelawan meliputi 5 buah universiti dari IPTA dan IPTS antaranya Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak (IPGKTAR), Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang (IPBL), Politeknik Kuching (POLIKU), Kolej SIDMA Sarawak (SIDMA) dan i-CATS University College (i-CATS). Penglibatan golongan muda dalam menjayakan Projek *MySaveFood* ini mencerminkan tahap kesedaran yang tinggi usaha mengelakkan pembaziran makanan.

Sebagai rekod pencapaian pelaksanaan Projek *MySaveFood* pada 18 hingga 20 Mac 2024, sejumlah 508.7 kilogram makanan berjaya diselamatkan daripada pembaziran melalui ketiga-tiga lokasi BRR pada tahun ini. Makanan dan minuman yang tidak terjual oleh peniaga bazar Ramadan akan dikumpulkan oleh Pertubuhan Pemuda GEMA Malaysia dengan dibantu oleh sukarelawan dari GPS untuk disalurkan dan diagihkan kepada pelajar IPT yang terbabit.

KPDN Sarawak merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat di atas komitmen yang berterusan sepanjang menjayakan inisiatif-inisiatif di bawah kos sara hidup bagi membantu setiap golongan yang memerlukan dalam meringankan kos sara hidup.

"RAHMAH ITU BERKAT"

YB SENATOR PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

###